

Bab 7 Membina Kesejahteraan Negara

1. Gariskan jawapan yang betul berkaitan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.

Akta Bahasa Kebangsaan

- a) Akta Bahasa Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1967 dikenali sebagai (Akta 32 : Akta 152) dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 1971.
- b) Akta Bahasa Kebangsaan digubal di bawah (Perkara 31 : Perkara 152) Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- c) Akta Bahasa Kebangsaan Seksyen 2 menetapkan segala urusan rasmi kerajaan harus menggunakan Bahasa (Inggeris : Melayu) sebagai bahasa pengantar.
- d) Akta Bahasa Kebangsaan (Seksyen 8 : Seksyen 10) menetapkan Bahasa Melayu digunakan dalam mana-mana mahkamah di Malaysia (kecuali pemberian keterangan oleh saksi.

Bahasa rasmi pentadbiran

- a) Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan unsur penggerak jentera (kewangan : pentadbiran) negara.
- b) Bahasa Melayu menjadi alat komunikasi rasmi dalam urusan (perniagaan : kementerian) dan jabatan kerajaan.
- c) Pada tahun 1990, bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam urusan (bank : mahkamah).

Memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan

- a) Sekolah Menengah Kebangsaan seperti Sekolah (Alam Shah : Putra Jaya) Sekolah Seri Puteri dan Kolej Sultan Abdul Halim menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar.
- b) Bilangan guru terlatih Bahasa Melayu di tambah di Sekolah Menengah (swasta : kebangsaan) dan guru khas di sekolah menengah jenis kebangsaan.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pusat Keilmuan Bahasa Melayu

- a) Penubuhan (UKM : UPSI) bertujuan untuk memartabatkan bahasa (Inggeris : Melayu) sebagai bahasa ilmu.
- b) Pusat pengajian tinggi awam (pertama : kedua) menggunakan bahasa Melayu dalam pengajian pelbagai jurusan dan bidang kursus.
- c) UKM menjadi pusat penyelidikan dan rujukan dalam bahasa, (kesusasteraan : keilmuan), dan kebudayaan tamadun Melayu dengan penubuhan IBKKM pada 1 (Januari : Disember) 1972.
- d) Muhammad Haji Salleh dan Siti Zainon Ismail, dinobatkan sebagai Tokoh (Sejarawan : Sasterawan) membuktikan UKM merupakan pusat keilmuan bahasa Melayu

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- a) Resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga telah menubuhkan (DBP : PPD) pada 22 Jun 1956.
- b) Pengarah pertama DBP ialah (Tunku Abdul Rahman : Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid).
- c) Peranan DBP ialah mengembangkan bahasa dan sastera Melayu melalui (penerbitan buku, komik, majalah, risalah, seminar, kursus dan bengkel) serta pelbagai aktiviti bersempena Minggu dan (Tahun : Bulan) Bahasa Kebangsaan.
- d) DBP berperanan untuk memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat dengan menggunakan slogan (Asia untuk Orang Asia : Bahasa Jiwa Bangsa) yang dilancarkan pada tahun 1960.